

Ujian percubaan sistem amaran bencana dilancar

KUALA LUMPUR: Jabatan Pertahanan Awam, Malaysia (JPA3) buat pertama kalinya, semalam melancarkan ujian percubaan sistem amaran bencana pelbagai nada berkomputer dan sistem hebahan awam sebagai persiapan awal kepada orang ramai dalam menghadapi bencana alam.

Timbalan Ketua Pengarahnya, Selamat Dahalan, berkata ujian sistem yang termasuk dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) itu adalah bagi mengenalpasti jarak kedengaran bagi 10 jenis bunyi siren yang dikeluarkan serta tahap keberkesanannya.

"Jarak sasaran sistem ini adalah 4.5 kilometer (km) persegi, tetapi dalam tempoh percubaan tadi (semalam), jarak kedengarannya kurang daripada 2.5 kilometer.

"Pemasangannya dilakukan pembekal peralatan sistem berkenaan dari Jerman, bagaimanapun sistem itu baru di tahap perbincangan," katanya kepada pemberita di JPA3, Jalan Padang Tembak, di sini, semalam.

Selamat berkata, sistem itu dipasang berikutan banyak kejadian bencana alam yang berlaku dalam tempoh 10 tahun lalu sehingga mengorbankan banyak nyawa

"Dengan pemasangan itu, ia menjadi tanggungjawab JPA3 menyedarkan orang ramai sebelum bencana seperti banjir, bangunan runtuh serta kehadiran ombak besar seperti tsunami yang melanda kawasan kediaman penduduk.

"Sistem berkenaan akan beroperasi dengan kerjasama Jabatan Pe-

BUNYI KUAT: Orang ramai terpaksa menutup telinga ketika ujian sistem amaran bencana diadakan semalam.

ngairan dan saluran (JPS), Jabatan Kaji Cuaca serta bantuan satelit," katanya.

Beliau berkata, sistem itu akan beroperasi mengikut kesesuaian dan juga boleh digunakan pada bulan Ramadan untuk waktu berbuka dan bersahur.

"Sistem ini akan dipasang di tempat utama sering berlaku bencana

alam dan sekiranya ujian percubaan itu berkesan kita akan mencadangkan untuk perluaskan penggunaannya ke ke setiap negeri," katanya.

Beliau berkata, JPA3 turut memerlukan bantuan media untuk menyebarkan semua jenis bunyi serta mengadakan latihan kepada penduduk sekitar dari semasa ke semasa.

